



POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Penyata Polisi

Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad komited terhadap piawaian integriti, akauntabiliti dan keterbukaan dalam pengendalian dan operasi perniagaannya. Koop Sahabat berhasrat untuk menjalankan urusannya secara beretika, bertanggungjawab dan telus. Selaras dengan komitmen organisasi, Koop Sahabat menyediakan mekanisme untuk semua kakitangan dan orang awam mendedahkan sebarang salah laku atau kelakuan tidak wajar dalam organisasi Koop Sahabat.

Skop Polisi

Polisi ini diwujudkan untuk memudahkan kakitangan dan orang awam mendedahkan sebarang kelakuan tidak wajar (salah laku atau kesalahan jenayah) melalui saluran dalaman yang betul. Antara kelakuan tidak wajar tersebut adalah;

- Penipuan;
- Sogokan dan Rasuah;
- Penyalahgunaan Kuasa;
- Percanggahan Kepentingan;
- Kecurian atau Penyelewengan;
- Penyalahgunaan Harta dan Maklumat Syarikat;
- Ketidakpatuhan terhadap polisi dan prosedur Syarikat.

Polisi ini tidak terpakai kepada rungutan peribadi mengenai terma dan syarat pekerjaan seseorang individu atau mana-mana aspek lain dalam hubungan kerja dengan syarikat. Perkara sedemikian hendaklah diuruskan dengan Polisi dan Prosedur Jabatan Sumber Manusia Koop Sahabat.

Prosedur Pendedahan

Semua pendedahan hendaklah disalurkan mengikut prosedur yang disediakan di bawah polisi ini. Pendedahan hendaklah berdasarkan fakta dan hanya mengandungi maklumat khusus untuk membolehkan penilaian yang betul terhadap dakwaan yang dibuat.

Objektif Polisi

Polisi ini menjelaskan bahawa Koop Sahabat mengambil serius terhadap setiap kesalahan dan komited untuk mengenal pasti, menangani dan membetulkan sebarang kelakuan tidak wajar yang boleh membahayakan organisasi dan reputasinya. Koop Sahabat juga komited untuk menyediakan perlindungan kepada kakitangan Koop Sahabat dan orang awam yang membuat pendedahan sedemikian.

Perlindungan Pemberi Maklumat

Seseorang pemberi maklumat akan diberi perlindungan di bawah polisi yang selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan syarat aduan dibuat dengan jujur. Perlindungan sedemikian diberikan walaupun penyiasatan kemudiannya mendedahkan bahawa seseorang Pemberi Maklumat tersilap tentang fakta dan peraturan serta prosedur yang terlibat.

Pemberi Maklumat Tanpa Nama

Pendedahan tanpa nama adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, kakitangan Koop Sahabat atau orang awam yang ingin melaporkan sebarang kelakuan yang tidak wajar mesti sedar bahawa setiap laporan mesti dilampirkan bukti yang mencukupi untuk Koop Sahabat menjalankan siasatan. Koop Sahabat mengesyorkan supaya pemberi maklumat mendedahkan identitinya untuk membolehkan:

- Pengumpulan maklumat lanjut dan/atau penjelasan mengenai pendedahan yang dibuat;
- Memberi perlindungan yang diperlukan kepada pemberi maklumat; dan
- Pemberitahuan hasil penyiasatan mengenai pendedahan di mana ia berkaitan dengan pihak yang mendedahkan jika dianggap perlu.

KOOP SAHABAT berhak untuk meminda polisi ini dari semasa ke semasa.



koop.sahabat



Koop Sahabat



www.koopsahabat.my



Media Koop Sahabat



Sahabat Koop Super App